

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 DISEMBER 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

Peralihan tenaga bersih perlu sokong kewangan - PM

Peralihan tenaga bersih perlu sokongan kewangan - PM

Malaysia optimis AZEC jadi platform bagi tempoh panjang, galak kerjasama yang saling memberi manfaat

TOKYO

Usaha menangani cabaran dan meraih peluang dalam tenaga bersih di samping memastikan 'peralihan saksama' memerlukan sokongan menyeluruh terutama melibatkan pembiayaan, insentif, teknologi dan infrastruktur, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, Malaysia juga percaya peralihan tenaga seharusnya saksama, inklusif dan adil, dengan tindakan ke arah kemajuan merangkumi model kolaborasi dan kerjasama progresif.

"Oleh itu, Malaysia akan mengalau-alukan sokongan dan kerjasama berterusan dari Jepun, Australia dan lain-lain me-



FOTO BERNAMA

Anwar (kiri) dan Kishida berjabat tangan selepas Mesyuarat Pemimpin Komuniti Pelepasan Sifar Asia (AZEC) pada Isnin.

mandangkan kita berusaha mempercepat perjalanan peralihan tenaga kita," katanya ketika berucap pada Mesyuarat Pemimpin Komuniti Pelepasan Sifar Asia (AZEC) di sini pada Isnin.

Beliau berkata, Malaysia dengan sendiri akan terus mengutamakan penyelesaian praktikal yang memacu kemajuan, mengimbangi cita-cita berkaitan iklim, kelestarian dan pertumbuhan ekonomi.

"Kerajaan (di bawah pentadbiran) saya pada Ogos telah melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara

(NETR) Malaysia yang mengambil daripada antara lain inisiatif AZEC," katanya.

Anwar berkata, Malaysia optimis AZEC akan berfungsi sebagai platform bagi tempoh yang panjang, menggalakkan kerjasama yang saling memberi manfaat bersama dalam peralihan tenaga, khususnya di rantau itu.

AZEC ialah platform kerjasama yang bertujuan meraujkan usaha keneutralan karbon dan peralihan tenaga untuk mencapai sasaran pelepasan sifar.

Jepun komited untuk menyediakan sokongan kewangan

sehingga AS\$8 bilion bagi tempoh sehingga 2030 untuk projek tenaga boleh baharu serta inisiatif penjimat tenaga di negara anggota AZEC.

Negara AZEC termasuk Australia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Jepun, Laos, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Anwar turut memuji Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida atas inisiatif AZEC.

Sementara itu, Kishida ketika menyampaikan ucapan perasmian di sidang kemuncak itu berkata, Jepun bersedia membantu ASEAN merealisasikan pelepasan sifar melalui pelbagai usaha.

Penyahkarbonan yang hadir dengan pelbagai cabaran dan inovasi adalah faktor utama untuk Jepun bersedia meneraju usaha itu, katanya.

Beliau berkata, Dasar Asas Transformasi Hijau (GX) Jepun menetapkan pengawalseliaan, pembiayaan dan keutamaan pembangunan teknologi untuk transformasi hijau pelbagai sektor perindustrian, dengan tonggak utama dasar tersebut adalah sokongan untuk peralihan tenaga di Asia. - Bernama